AL-QURĀN AL-KARĪM PUSAT KEBUDAYAAN DUNIA
MEMPELAJARI ISINYA

"Setelah umat Islam sedar akan kejatuhannya, mereka rela kembali ke jalan asal, mereka mencari mana satu *"manba' al-sa'ādah"* (pancaran hidup bahagia), timbullah fajar kesedaran baharu dalam hati nurani: "kita mesti kembali kepada al-Qurān, menyelidiki isinya, berdamping di sisinya, dan menjadikan dia dasar asas yang kuat untuk pegangan kita." Demikian antara lain kata saudara Johari dalam huraiannya ini – P.Q.

(Johari Ahmad)

Saudara pembaca yang budiman,

Tidaklah dapat dinafikan sama sekali oleh siapa pun juga yang mempercayai dan mengakui kebenaran, bahawa al-Qurān itu adalah suatu kitab yang sebenarnya daripada Tuhan, diwahyukannya dengan perantaraan Malaikat guna semata-mata mengajar manusia akan nilai-nilai hidup dan pengajaran yang tinggi, luas dan mendalam. Menuju satu kehidupan bahagia yang abadi di dunia dan di akhirat, suatu kitab penting yang mengandungi ajaran bagi perbaikkan dunia, sebuah kitab penting yang sekira-kira dapat mengangkat pembacanya yang sebenar kepada alam "takwa" untuk mendekati Tuhan. Bagi kita orang Mukmin, apakah yang lebih tinggi daripada takwa?

Tidak dapat dinafikan, bahawa al-Qurān itulah yang telah mencetuskan satu nilai kehidupan yang luhur bagi suatu bangsa yang pada mula sejarahnya terkenal rakus dan biadab, Dialah yang telah memancarkan ke dalam hati mereka rasa mahabbah, dan *shu'ūr marhamah*, yang menimbulkan persatuan jagat yang gagah perkasa, Dialah yang memancarkan *nūr* harapan – harapan jaya – kepada bangsa-bangsa kecil yang sudah kehilangan kemudi, berputus asa untuk hidup dan maju kemuka. Betapakah tidak? Bukankah selalu kita dengar dia dibacakan orang sesaat hening, dan sesaat gelisah, d ikala tenang, di waktu resah, sesaat revolusi, dan seketika berevolusi...bergerak secara total, menggempur dan menghentam, dan berjalan secara perlembagaan, sejuk dan tidak terasa, tetapi terus menerus.....

Tidak dapat dinafikan juga, bahawa kitab itulah yang telah menyumbangkan tenaga yang amat besar bagi perkembangan fikiran manusia, kebudayaan yang tinggi yang diciptakan oleh bangsa-bangsa maju sekarang adalah bekas dan kesan

al-Qurān itu, mana akan timbul rekaan besar-besar kalau Dia tidak membisikkan kepada manusia bahawa dalam diri mereka ada barang berharga, tenaga *energy* yang kuat, tenaga cipta: "akal", anugerah Tuhan!, mana akan timbul tanaman yang subur, empangan yang besar kalau tidak Dia membisikkan rahsia langit yang menurunkan hujan... mana akan timbul fikiran untuk menyusun negara atas dasar persamaan, kalau Dia tidak menegaskan: *"wa amrahum shūrā baynahum!"*

Demikianlah seterusnya kalau kita memerhati al-Qurān dan peranannya! Kita pernah naik dengan sebab *nūr* al-Qurān kita jadikan lampu suluhan, dan kita jatuh bila lampu itu sudah terlepas dari tangan. Kita pernah kuat bila jiwa al-Qurān menjadi jiwa kita, tapi – kita tersungkur di hadapan bangsa-bangsa, dijajah dan dilanyak, bila jiwa al-Qurān itu kita buang dan kita gantikan dengan jiwa yang lain: jiwa noda, biadab, cemar dan kotor. Kita pernah berjaya bila nafiri al-Qurān itu meresap ke dalam telinga kita, tapi kita kandas bila kita cuba menutup lubang telinga daripada mendengar, mata daripada melihat, dan akal daripada berfikir.

Kita jadikan al-Qurān sebagai azimat di atas alang, kita balutkan dia dengan sutera dan ikatkan di pinggang guna tangkal kebal kononnya, suatu noda syirik besar pernah kita lakukan, kita belajar membacanya, tapi bukan isinya – sebaliknya bagaimana hendak menjadikan irama yang sedap – halwa telinga yang kemudian dapatlah kita perdagangkan sesen dua.

"Dan walaupun sesekali kita pernah belajar, tapi itu hanya terbatas setakat mengetahui *i'rābnya* kalimah dan *mujmal* makna ayatnya dalam bahasa kita.

Tak hairanlah kalau al-Qurān sebagai kitab pertunjuk tidak memberi pertunjuk kepada kita.

Tak hairan kalau dulu golongan kita pernah maju, dan jaya, tapi kini kia mundur, jatuh terkulai.

Tapi syukurlah, sekali lagi kita bersyukur.

Setelah umat Islam sedar akan kejatuhannya mereka rela kembali ke jalan asal, mereka mencari mana satu "*manba' al-sa'ādah*" (pancaran hidup bahagia), timbullah fajar kesedaran baru dalam hati nurani: "kita mesti kembali kepada al-Qurān, menyelidiki isinya, berdamping di sisinya, dan menjadikan dia dasar asasi yang kuat untuk pegangan kita".

Di sana sini dari dunia Islami timbul gerakan-gerakan baharu yang dipimpin oleh anak-anak Muslim yang muda, yang ingin membuang serba prasangka, khurafat dan tahyul, berhasrat unutk berfikir secara bebas dalam dasar-dasar ketentuan yang diharuskan, timbul gerakan persaudaraan di tanah Fir'aun, timbul Majlis Syura Islami, di negara Deponegoro, timbul Liga Muslim, di lembah Iqbal... ... timbul, satu demi satu, bergerak, bersatu, bersatu dan bergerak, awas, waspada, sedar dan tajam, kilat dengan jangka taktik dan strategi perjuangan, sambil menyeru: "Mari kita kembali kepada Allah, mari kembali kepada kitab-Nya,"! "al-Qurān adalah dasar pegangan kita, dia adalah hakim maha agung untuk kita sekarang dan akan datang .....!".

Rupanya kesedaran dan fajar gerakan yang dipelopori oleh pejuang-pejuang Islam di luar negara kita itu sedikit demi sedikit menjalar juga ke tanah air kita, dan sekarang sudah kita dengar di sana sini ada orang melaungkan suaranya: "Mari kita kembali kepada garisan kita yang asal, mari kita membentuk satu kehidupan yang baharu mengikut *khiṭṭah* susunan nabi, mari kembali kepada: (*iqra' bi ismi rabbika alladhī khalaq*).

Terdengar suara itu, lantang terdengar majlis-majlis sambutan

(sambungannya pada muka 36)

(Sambungannya dari muka 14)

mawlid dan agama, tapi, kita harus pula berfikir setingkat lagi, bahawa seruan-seruan itu akan menyerupakan seruan-seruan yang kosong belaka, kalau isi dari seruan itu tidak ada, kita menyeru umat kembali kepada al-Qur'ān, kita tegaskan kebagusannya, rakyat pun tertariklah dengan pidato kita, tetapi tidak kita jelaskan al-Kitāb itu sejelas-jelasnya dari mula hingga tamatnya, tidak kita jelaskan kebagusan al-Qur'ān itu tegasnya tidak kita ajari pelajaran al-Qurān itu seluas-luasnya di antara golongan kita, semasa kita bergerak, semasa kita bergaul, dan dalam bermasyarakat sehari-hari.....

Memang senang untuk mengajak golongan Muslimin kembali kepada al-Qur'ān, tapi susah untuk mereka menerima kalau dalam batin mereka sedikit pun tak ada isi al-Qurān itu.

Di sinilah terletaknya kelemahan golongan umat Islam di tanah air kita dalam pergerakan mereka mengajak umat kembali kepada al-Qurān, jika kita bandingan dengan saudara-saudara kita di lain negara. Ternyata benar kelemahan dalam mengisi; satu majalah khusus untuk pelajaran tafsir belum ada. Dan tulisan-tulisan selama ini pun di dalam segelintir majalah Islam di tanah air kita, tidak pula diberatkan soal ini, pada hal mengikut hemat kita, ada di antara kita yang berkebolehan untuk itu, baik golongan tua apatah lagi golongan muda yang mendapat didikan luas di Mesir umpamanya! Apakah tidak terniat dan belum sampai masa agaknya kita harus menyinsing tangan dalam soal ini, kadang-kadang aneh, kita memikirkan diri kita sendiri yang hanya saban hari asyik dan tenggelam dalam kitab-kitab kita, antara perkataan-perkataan: *qīl wa qāl*!!!

Sebenarnya mengikut hemat kita, sudahlah tiba masanya kita menaruhkan harapan kepada cerdik pandai agama kita, bahawa penjelasan al-Qurān dan isinya tidak harus dianggap sepi begitu sahaja, alangkah baiknya kalau penyebaran kitab ini dapat diadakan secara luas di tanah air kita ini, melalui alat-alat radio, persuratan, perjumpaan-perjumpaan, seni sastera, dan sebagainya, tidak hanya terbatas dibangku-bangku sekolah agama seperti sekarang. Di Indonesia, setahu kita, untuk penjelasan rangkai-rangkai syair Iqbal saja ditubuhkan satu *lajnah* apatah lagi soal-soal agama yang lain.

Satu contoh yang besar – yang harus kita tiru, terutama bijak pandai kita ialah usaha-usaha yang pernah dilakukan leh Ustaz Muhammad Yunus 1922 yang lalu dengan tafsirnya, dan ustaz-ustaz Haji Abdul Halim, Arifin Abbas, dan teman mereka, Abdul Rahim Haitami 1938 dahulu, sekarang usaha kita sudah jelas membuahkan hasil dan natijahnya yang baik.

Memberi kupasan-kupasan al-Qurān kepada rakyat, itulah tanda kita mengajak umat kembali mendekati dirinya kepada al-Qurān dan hanya bila kita mendekati al-Qurān baharulah kita kenali Dia.

Kalau ada ulama kita melaksanakan ini, tentu dapat kita kecap usaha-usahanya, tentu sahaja pula pelaksanaan itu tidak akan sia-sia.

Hendaknya mulai esok, dari saat fajar sadiq di ufuk timur, kita sudah mengenali al-Qurān, dan bila suria pagi menyatakan dirinya, kita semua sudah memiliki al-Qurān itu dalam jiwa kita dan mula beramal untuk menuju masa depan . . . . . hari bahagia yang menjelang . . . . . mendirikan negeri kita, benih perjuangan Rasul utama: *Baldatun Ṭayyibatun wa Rabbun Ghafūr!!.*